

Hentikan Hasutan Melalui SMS, Twitter Dan Facebook - Ketua Polis Negara Bernama

Julai 11, 2011

JOHOR BAHRU: Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar mengingatkan pihak tertentu agar menghentikan perbuatan menghasut rakyat melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), twitter dan facebook untuk membalas dendam selepas kegagalan perhimpunan haram Bersih 2.0 di Kuala Lumpur Sabtu.

Beliau berkata perbuatan itu amat berbahaya sekaligus boleh menimbulkan kekacauan dan harus dihentikan segera.

"Kita minta rakyat supaya fikir dengan baik dan bersama-sama memelihara keamanan negara. Tugas dan tanggungjawab itu bukan di bahu pihak polis sahaja," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pentauliah Sijil Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) ke-7 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini Ahad.

Seramai 1,024 pelatih menerima pentauliah tersebut yang melibatkan 19 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dari seluruh negara.

Selepas perhimpunan itu katanya, terdapat pihak menyebarkan hasutan dan provokasi melalui tiga medium tersebut termasuk kenyataan berunsur perkauman dan menanam kebencian terhadap kerajaan.

Beliau berkata polis telah membebaskan dengan jaminan polis 1,667 orang yang ditahan kerana terlibat dalam perhimpunan haram Bersih 2.0 di Kuala Lumpur Sabtu. Katanya kertas siasatan akan dibuka terhadap mereka dan tindakan susulan akan diambil.

Mereka yang ditahan dalam perhimpunan tersebut katanya terdiri daripada 1,000 orang awam, pemimpin pembangkang dan 91 individu yang dilarang memasuki ibu kota tersebut, kata Ismail.

Antara yang ditahan ialah penganjur Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) Datuk S. Ambiga, pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN) Khairy Jamaluddin, ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dan presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang serta timbalannya Mohamad Sabu.

Mengenai dakwaan polis menggunakan kekerasan ketika menangani perhimpunan itu Ismail berkata, pihaknya bertindak mengikut situasi.

Gas pemedih mata dilepaskan polis selepas penyokong Bersih cuba merempuh sekatan.
- **BERNAMA**

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/11/mstar_berita/20110711094953&sec=mstar_berita